



24 FEB, 2021

Ikuti perubahan digital, syarikat lebih kompetitif

Kosmo, Malaysia



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Page 1 of 2

Varia



Oleh
AFIZAN AMER

KEPANTASAN menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi digital pada masa kini adalah kunci bagi sesebuah syarikat menjadi lebih kompetitif berbanding sebelumnya.

Ini disebabkan perubahan perlu dilakukan untuk setiap jenis syarikat dengan kadar yang belum pernah terjadi memandangkan teknologi dan pendekatan moden penting untuk kejayaan persaingan perniagaan masa kini.

Biarpun didorong oleh inovasi digital dan inisiatif terkini, tahap permintaan untuk pengembangan aplikasi tetap tinggi dan ia lebih memfokuskan kepada syarikat berskala besar dengan 500 pekerja atau lebih.

Berdasarkan kajian terkini *Out Systems; The Speed of Change: Berapa Pantas Anda?* yang merupakan kajian secara global mendapati, lebih daripada 65 peratus syarikat mempunyai 10 atau lebih aplikasi yang dilancarkan pada tahun 2020.

Dalam laporan itu, apa yang paling penting adalah tahap kemampuan syarikat untuk menyesuaikan diri dengan perubahan di persekitarannya.

Kajian itu juga memberikan gambaran bahawa syarikat mana paling cepat menyesuaikan diri dengan perubahan seiring dengan perkembangan era digitalisasi global.

Seperti yang kita ketahui, krisis disebabkan oleh pandemik Covid-19 dan kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan kejutan besar kepada sektor ekonomi dan masyarakat di seluruh dunia.

Pada masa pandemik ini, masa depan syarikat terletak pada kemampuannya menyesuaikan diri dengan situasi memandangkan perubahan berlaku tidak pernah kita terfikir sebelum ini.

Teknologi dan pendekatan moden seperti aplikasi dalam talian adalah kunci utama kepada daya saing sesebuah syarikat, selain untuk survival mereka dalam kalangan pemain industri.

Kaedah ini secara tidak langsung menimbulkan ancaman kepada firma tradisional yang telah lama wujud tetapi tidak mahu berubah dengan cepat.

Pada hari ini, syarikat teknologi ini dapat mengejar dan mengungguli syarikat tradisional dengan hanya beberapa perubahan sederhana.

Dalam hal ini, aplikasi berjenama adalah titik penting bagi pembeli untuk melakukan transaksi.

Malah, lebih daripada empat daripada lima responden pengguna berasaskan lebih selesa dan selamat



MAJORITY masyarakat kini lebih selesa membeli-belah secara online yang dilihat lebih mudah dan selamat. — GAMBAR HIASAN

Ikuti perubahan digital, syarikat lebih kompetitif



Teknologi dan pendekatan moden seperti aplikasi dalam talian adalah kunci utama kepada daya saing sesebuah syarikat, selain untuk survival mereka dalam kalangan pemain industri."



SYARIKAT yang berdaya maju perlu mencipta aplikasi lebih mesra pengguna untuk bersaing. — GAMBAR HIASAN

untuk menggunakan aplikasi membeli-belah runcit melalui aplikasi digital dan laman web.

Pengalaman menggunakan aplikasi yang baik mempengaruhi pendapat orang tentang jenama mereka secara positif.

Memandangkan kesan pengalaman baik lebih kuat daripada buruk, ini menjadi asas kepada pentingnya melabur dalam pengalaman pengguna dan memastikan bahawa aplikasi yang dicipta memenuhi harapan pembeli.

Persoalannya adalah, seberapa pantas syarikat ini berubah dan kaedah apa yang mereka gunakan untuk mengembangkan aplikasi sesuai dengan pergerakan era digitalisasi.

Cabaran untuk mengembang dan melancarkan aplikasi digital menimbulkan persoalan penting iaitu berapa lama pasukan pembangunan aplikasi dapat menyimpan dan melancarkannya.

Pembangunan dan pelancaran aplikasi yang memakan masa tiga hingga enam bulan kelihatan sangat lama di era pandemik Covid-19 ini.

Kajian juga menunjukkan bahawa pemimpin yang mempunyai kepakaran dalam kepentasan dan ketekunan adalah merupakan asas utama teknologi yang mempercepat proses pengembangan dan pelancaran aplikasi.

Organisasi teknologi maklumat syarikat-syarikat di Asia Tenggara dapat menilai teknologi ini berdasarkan keperluan pengembangan aplikasi

mereka seperti kecerdasan buatan (AI) di chatbots, aplikasi mudah alih, bantuan suara dan menentukan mana yang cenderung berkembang lebih cepat.

Pembangunan kod rendah, kontena dan perkhidmatan mikro telah membolehkan organisasi teknologi maklumat mencapai kejayaan cemerlang dalam persaingan.

Mengembangkan aplikasi digital unggul merupakan cabaran bagi mereka yang belum menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi yang begitu cepat berkembang.

Ini kerana, mereka masih menjalankan integrasi sistem lama, kekurangan kelajuan, kekurangan perubahan keperluan, kekurangan kemahiran pengembangan teknikal, selain tidak menguasai teknologi dan standard baru serta terkinin.

Untuk itu, beberapa idea untuk mengatasi cabaran yang dihadapi oleh organisasi teknologi maklumat di syarikat-syarikat Asia Tenggara bermula dengan UX iaitu hubungan manusia dengan komputer, membina perubahan, menambah kemahiran baharu dan memanfaatkan alat teknologi yang ada.

Syarikat yang memfokuskan kepada keperluan pelanggan dan menawarkan jalan masuk ke inovasi lebih mudah dan pantas akan dapat mengatasi perubahan pilihan pelanggan.

Di samping itu, ia meningkatkan kemampuan menyesuaikan diri dan mengelakkan gangguan syarikat teknologi besar.

Sebilangan kecil sudah berada di tahap itu dan mereka sentiasa berusaha untuk menjadi lebih cepat dan lebih baik.

AFIZAN AMER merupakan Pensyarah Kanan Pemasaran Digital, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Kampus Rembau, Universiti Teknologi Mara Negeri Sembilan.



24 FEB, 2021

Ikuti perubahan digital, syarikat lebih kompetitif

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KEPANTASAN menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi digital pada masa kini adalah kunci bagi sesebuah syarikat menjadi lebih kompetitif berbanding sebelumnya. Ini disebabkan perubahan perlu dilakukan untuk setiap jenis syarikat dengan kadar yang belum pernah terjadi memandangkan teknologi dan pendekatan moden penting untuk kejayaan persaingan perniagaan masa kini. Biarpun didorong oleh inovasi digital dan inisiatif terkini, tahap permintaan untuk pengembangan aplikasi tetap tinggi dan ia lebih memfokuskan kepada syarikat berskala besar dengan 500 pekerja atau lebih.